



d/a Surau Al-Hamidin Taman Cahaya, Lot 28819, Jalan Cahaya 7, Taman Cahaya, 68000 Ampang, Selangor

USUL

USUL BERHUBUNG TINDAKAN PEMEGANG JAWATAN BKS YANG MASIH MENERUSKAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN JENAZAH YANG MANA BOLEH MENJEJASKAN STATUS PENDAFTARAN BKS DI BAWAH AKTA PERTUBUHAN 1966

Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") pada hari ini mengambil maklum :

1. BAHAWA Fasal 3 (iii) Perlembagaan BKS menyatakan bahawa salah satu tujuan/matlamat pertubuhan ialah "bekerja dengan sedaya upaya untuk mengurus dan menyempurnakan kebajikan pengkebumian jenazah ahli-ahli dan tanggungan ahli sehingga sempurna mengikut lunas-lunas Islam, kepada ahli-ahli di dalam kawasan Kampong Pandan dan sekitarnya, tidak termasuk ahli-ahli di luar kawasan yang tersebut." (lihat Lampiran A)
2. BAHAWA pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia ("ROS") melalui surat pengesahan mereka bertarikh 7hb Julai 2025 yang di alamatkan kepada Pengurus Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan Dalam, telah menyatakan bahawa "pelaksanaan tujuan/matlamat persatuan ini juga adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan Jabatan Agama Islam Negeri yang sedang berkuatkuasa berkaitan perkara ini." (lihat Lampiran B)
3. BAHAWA pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor melalui surat arahan mereka bertarikh 14 April 2026 yang di alamatkan kepada Pengurus Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan Dalam, telah menyatakan bahawa Perkara 3.1 Garis Panduan Pengurusan Lajnah Kematian Masjid dan Surau Negeri Selangor 2011 menetapkan bahawa lajnah khairat kematian masjid hendaklah bernaung dibawah pentadbiran masjid dan tidak boleh bernaung atau berdaftar dengan mana-mana pertubuhan, agensi, syarikat dan koperasi." (lihat Lampiran C).
4. BAHAWA tindakan pemegang jawatan BKS yang masih meneruskan urusan pengebumian jenazah bertentangan Lampiran B berpotensi menjejaskan status pendaftaran BKS serta boleh mengakibatkan tindakan lanjut oleh pihak ROS termasuk pengeluaran notis amaran atau tindakan pembubaran sekiranya ketidakpatuhan berterusan.




d/a Surau Al-Hamidin Taman Cahaya, Lot 28819, Jalan Cahaya 7, Taman Cahaya, 68000 Ampang, Selangor

Maka dengan ini AGM pada hari ini hendaklah memutuskan :

1. AGM menzahirkan kebimbangan serius terhadap tindakan berterusan pemegang jawatan BKS ini yang boleh menjejaskan pematuhan persatuan terhadap perlembagaan dan undang-undang yang berkuat kuasa.
2. AGM mengarahkan pemegang jawatan BKS kuasa untuk menyediakan laporan penuh kepada ahli-ahli dalam tempoh 14 hari mengenai:
 - * Justifikasi dan asas keputusan bagi setiap tindakan tersebut;
 - * Sebarang komunikasi atau teguran rasmi daripada pihak berkuasa.
3. AGM mengarahkan semua keputusan atau tindakan yang berisiko tinggi dari sudut pematuhan hendaklah dihentikan serta-merta sehingga disahkan selaras dengan perlembagaan dan undang-undang.
4. AGM menegaskan bahawa sebarang kegagalan berterusan untuk mematuhi perlembagaan dan peraturan boleh dipertimbangkan sebagai asas kepada tindakan lanjut termasuk usul tidak percaya terhadap pemegang jawatan BKS.

Nama : AR JALEL BIN MD SANIN

No Ahli : 037

Tandatangan: 

PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK
BADAN KEBAJIKAN SALATULRAHIM KAMPONG PANDAN KUALA LUMPUR
(PPM-004-14-08111977)

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

BADAN KEBAJIKAN SALATULRAHIM KAMPONG PANDAN KUALA LUMPUR

Selepas ini disebut "Pertubuhan".

(2) Takrif Nama : **BADAN KEBAJIKAN SALATULRAHIM (BKS)**

(3) Taraf Pertubuhan : **Negeri**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan adalah

**D/A MASJID NURUL HIDAYAH, JALAN H, KAMPUNG PANDAN DALAM
55100 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**D/A MASJID NURUL HIDAYAH, JALAN H, KAMPUNG PANDAN DALAM
55100 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

Tujuan-tujuan Pertubuhan ini ialah:-

i) Menanam dan dengan kebenaran Jabatan Agama menyebarkan hakikat Islam yang sebenarnya kepada ahli-ahli sebagai satu ideologi yang mulia, yang sesuai diamalkan pada bila-bila masa dan dimana-mana pun dan juga sebagai satu cara



hidup yang merangkumi segala aspek kemajuan.

ii) Berusaha berkhidmat untuk menjalankan kebijakan ahli-ahli Pertubuhan dan tanggungan mereka dalam pelbagai aspek kemajuan hidup mengikut kemampuan kewangan Pertubuhan.

iii) Bekerja dengan sedaya upaya untuk mengurus dan menyempurnakan kebajikan pengkebumian jenazah ahli-ahli dan tanggungan ahli sehingga sempurna mengikut lunas-lunas Islam, kepada ahli-ahli di dalam kawasan Kampong Pandan dan sekitarnya, tidak termasuk kepada ahli-ahli yang di luar kawasan yang tersebut.

iv) Bekerjasama dan merapatkan perhubungan muhibbah di antara satu sama lain serta bekerjasama dengan mana-mana Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan yang berdaftar di daerah ini juga kawasan-kawasan yang berhampiran dengan tujuan yang sama dengan Pertubuhan ini demi kemajuan dan kebajikan Islam.

FASAL 4 KEAHLIAN

i) Pendaftaran keahlian adalah terbuka kepada semua kaum dan bangsa yang beragama Islam, berumur 18 tahun ke atas sehingga umur 60 tahun dan bermastautin di Kampong Pandan, Kuala Lumpur serta kawasan yang berdekatan dengannya.

ii) Bagi orang yang telah mencapai umur 60 tahun dan ke atas serta berhasrat untuk mendaftarkan diri sebagai ahli Badan Kebajikan Salatullah hendaklah membayar Yuran Pendaftaran Keahlian dan sejumlah Premium yang dianggap munasabah sekurang-kurangnya separuh dari kos pengurusan jenazah semasa.

iii) Permohonan untuk menjadi ahli hendaklah dibuat di Borang yang ditentukan. Permohonan ini akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kerja untuk diluluskan. Jawatankuasa Kerja boleh menolak permohonan sesiapa sahaja dengan tidak memberitahu sebab-sebab kepada permohonan.

iv) Setiap orang yang ingin menjadi ahli Pertubuhan, hendaklah mengaku dan taat setia serta patuh kepada undang-undang yang ditetapkan dalam Perlembagaan Pertubuhan ini serta sanggup menerima arahan dan keputusan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Induk.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

i) Seseorang ahli akan terhenti daripada menjadi ahli Badan dan akan luput segala hak-hak dan faedah-faedahnya yang terkandung di dalam Perlembagaan ini, apabila berlaku perkara-perkara yang tercatat di bawah:-

a) Meminta untuk diberhentikan daripada menjadi ahli dengan bersurat dan disahkan oleh Jawatankuasa Kerja.





JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
 (Registry of Societies Malaysia)
 Aras G, Kompleks Kementerian Dalam Negeri,
 Jalan Sri Hartamas 1,
 50480 Kuala Lumpur,
 W.P. KUALA LUMPUR

Tel : 03-6206 0920
 Faks : 03-6201 2107
 Laman Web : <http://www.ros.gov.my>

Rujukan Kami : JPPM.WKL.600.2/1/1 JLD. 9 (73)
 Tarikh : 7 Julai 2025

Encik Muhammad Faiz Ikmal bin Kamarol Hisham
 Pengurus
 Masjid Nurul Hidayah
 Kampung Pandan Dalam
 Jalan H, Kampung Pandan Dalam
 55100 KUALA LUMPUR

Tuan,

**PERMOHONAN PENGESAHAN STATUS KEABSAHAN BADAN KEBAJIKAN
 SALATULRAHIM (BKS) SEBAGAI PENGUTIP YURAN KHAIRAT KEMATIAN
 DAN PELAKSANAAN PENGURUSAN JENAZAH**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat tuan rujukan JAI.SEL.MNH/06/01/06(05) bertarikh 25 Jun 2025 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Badan Kebajikan Salatullahim Kampong Pandan Kuala Lumpur dengan nombor pendaftaran PPM-004-14-08111977 merupakan sebuah pertubuhan yang aktif berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 8 November 1977. Pertubuhan adalah bertaraf Negeri dan di bawah kategori kebajikan.

3. Merujuk kepada fasal 3(iii) perlembagaan pertubuhan, salah satu tujuan/matlamat pertubuhan ialah "*Bekerja dengan sedaya upaya untuk mengurus dan menyempurnakan kebajikan pengkebumian jenazah ahli-ahli dan tanggungan ahli sehingga sempurna mengikut lunas-lunas Islam, kepada ahli-ahli di dalam kawasan Kampong Pandan dan sekitarnya, tidak termasuk kepada ahli-ahli yang di luar kawasan yang tersebut*". Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan tujuan/matlamat pertubuhan ini juga adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan Jabatan Agama Islam Negeri yang sedang berkuatkuasa berkaitan perkara ini.



4. Berkenaan kutipan khairat kematian, memandangkan pertubuhan di bawah kategori kebajikan, pertubuhan adalah tidak dibenarkan untuk memungut yuran bagi tujuan khairat kematian selari dengan fasal 5 perlembagaan pertubuhan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD HIJRI BIN MAT RANI)

Pengarah

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

b.p.: Pendaftar Pertubuhan Malaysia



جايبن اكام اسلام سلاڠور

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)
SELANGOR ISLAMIC RELIGION DEPARTMENT

Tingkat 1, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah,
No.2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 SHAH ALAM, SELANGOR

Telefon: 03-5514 3400/3600

Laman Web: www.jais.gov.my

E-mel: info@jais.gov.my

Facebook: Jabatan Agama Islam Selangor - Rasmi
Instagram/YouTube/TikTok/X: @jaisel_official



ISLAMIC LAWAOUR-GEDERENGE

KITASELANGOR

Ruj. Kami : JAI.SEL.BPM/01/007/15/27(83)

Tarikh : 25 Syawal 1447H

14 April 2026M

Pengurus

Masjid Nurul Hidayah

Kampung Pandan Dalam

Tuan,

ARAHAN PEMUSATAN PENGURUSAN JENAZAH AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU DI BAWAH KARIAH MASJID NURUL HIDAYAH KAMPUNG PANDAN DALAM, AMPANG

Dengan hormatnya, surat rujukan JAI.SEL.MNH/06/01/01 (26) daripada pihak tuan bertarikh 9 Januari 2026 dan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, jabatan ini telah meneliti isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung pengurusan jenazah umat Islam di kariah Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan Dalam, Ampang. Berdasarkan semakan Audit Dalam, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mendapati, terdapat dua entiti pengurusan jenazah di dalam Kariah Masjid Nurul Hidayah iaitu Badan Kebajikan Silaturrahim (BKS) Kampung Pandan Dalam yang ditubuhkan sejak tahun 1977 dan Biro Khairat Kematian Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan Dalam, Ampang yang baru ditubuhkan tahun 2025.

3. Dapatan Audit Dalam MAIS dan jabatan ini mendapati Badan Kebajikan Silaturrahim (BKS) Kampung Pandan Dalam yang telah beroperasi dari tahun 1977 didapati telah menguruskan Khairat kematian ahli kariah dalam keadaan tidak menepati peraturan disebabkan oleh perkara berikut :-

- 3.1 Pengurusan tanah kubur di bawah tanggungjawab masjid sepenuhnya selaras dengan Seksyen 104(2)(a), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor.
- 3.2 Tanggungjawab menguruskan jenazah merupakan tanggungjawab pegawai masjid selaras dengan perkara 7.11.3(i) dan perkara 7.11.4 (j), Garis Panduan Pentadbiran Jawatankuasa Pengurusan Masjid Negeri Selangor.



Ruj. Kami : JAI.SEL.BPM/01/007/15/27 (83)

3.3 Perkara 3.1 Garis Panduan Pengurusan Lajnah Khairat Kematian Masjid dan Surau Negeri Selangor 2011 menetapkan bahawa lajnah Khairat kematian masjid hendaklah bernaung di bawah pentadbiran masjid dan tidak boleh bernaung atau berdaftar dengan mana-mana pertubuhan, agensi, Syarikat dan koperasi.

3.4 Kutipan wang bagi tujuan menampung kos pengurusan jenazah merupakan salah satu daripada kutipan bagi faedah orang-orang Islam berikutan wang tersebut digunakan untuk menguruskan kematian orang Islam. Kutipan tersebut tertakluk dengan kebenaran di bawah Seksyen 106, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor.

3.5 Jawatankuasa Masjid mempunyai kuasa untuk memungut dan menerima derma atau sumbangan bagi kepentingan masjid dan ahli kariah selaras dengan perkara 7.1.1 (a), Garis Panduan Pengurusan Kewangan, Perolehan Dan Aset Masjid Dan Surau Negeri Selangor.

4. Selain itu, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengeluarkan surat rasmi JPPM.WKL.600.2/1/1 JLD.9 (73) bertarikh 7 Julai 2025 telah mengesahkan bahawa :-

4.1 BKS perlu mendapat kebenaran dari Jabatan Agama Islam Negeri dalam menjalankan aktiviti pengurusan jenazah, berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.

4.2 Pertubuhan Badan Kebajikan Silaturrahim (BKS) adalah tidak dibenarkan memungut yuran bagi tujuan Khairat kematian, memandangkan pertubuhannya di bawah kategori Kebajikan, selari dengan fasal 5, perlembagaan pertubuhan.

4. Selaras dengan perkara yang dinyatakan di para 3 dan 4 di atas, maka pengurusan jenazah umat Islam di dalam kariah masjid dan surau-surau di bawah kariah masjid **hendaklah dipusatkan** ke Masjid Nurul Hidayah, Kampung Pandan Dalam serta diurus di bawah Biro Khairat Kematian Masjid Nurul Hidayah.

5. Sehubungan dengan itu, mana-mana surau di bawah kariah masjid **adalah tidak dibenarkan** sama sekali menggunakan khidmat Badan Kebajikan Silaturrahim (BKS) menguruskan jenazah yang melibatkan mana-mana ahli kariah masjid atau surau.

Ruj. Kami : JAI.SEL.BPM/01/007/15/27(83)

6. Selain itu, pihak masjid dikehendaki mengadakan sesi penerangan kepada BKS, Pengerusi Surau dan ahli kariah bagi mengelakkan kekeliruan ahli kariah mengenai ketetapan ini dan memastikan pemusatan pegurusan jenazah di masjid Nurul Hidayah dapat dilaksanakan sepenuhnya serta mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan pengurusan jenazah di dalam kariah masjid dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

“ KITASELANGOR MAJU BERSAMA ”
“ MALAYSIA MADANI ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI HASHIM BIN MUHAMAD) S.I.S., P.P.T.
b.p. Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor

- s.k. : 1. Pegawai Tadbir Agama
Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat
2. Pengerusi
Surau Al-Falah
Taman Cempaka
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan
3. Pengerusi
Surau Darussalam
Taman Nirwana Fasa 1
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan.
4. Pengerusi
Surau Al-Hidayah
Lorong Bahagian 5, Kampung Pandan
55100 Kuala Lumpur
5. Pengerusi
Surau Ehsaniah
Kampung Dato' Harun, Kg. Pandan Dalam
55100 Selangor Darul Ehsan

6. Pengerusi
Surau Al-Amin
Rumah Pangsa, Taman Bakti
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan
7. Pengerusi
Surau Al-Angsana Hilir
G-G14, Jalan Hilir 7,
Taman Seri Angsana, 55100 Selangor Darul Ehsan
8. Pengerusi
Surau Al Rahmaniah
Jalan F, Kampung Pandan Dalam
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan
9. Pengerusi
Surau Ikhwaniah
Pandan Selatan
Kampung Pandan Dalam, 55100 Kuala Lumpur
10. Pengerusi
Surau An-Nur,
Jalan Cempaka 17
Taman Cempaka, 68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan
11. Pengerusi
Surau Al -Islah
Tingkat Bawah, Blok B, Sri Pinang Villa
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan
12. Pengerusi
Surau Al Hamidin
Taman Cahaya, 68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan
11. Pentadbir
Musolla Al-Jannah D'Pines
Jalan Pandan Bersih,
Taman Nirwana,
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan